


**PROJEK PUSINGAN PERTAMA
POSTER GRAFIK
“EXPLORING NEW WORLDS IN SPACE”
NATIONAL SPACE CHALLENGE PRIME MINISTER’S TROPHY 2017**

1. TEMA DAN FORMAT

- 1.1 “*Exploring New Worlds In Space*” ialah tema Sambutan Minggu Angkasa Sedunia 2017 (*World Space Week 2017*) yang diangkat sebagai tema bagi *National Space Challenge Prime Minister’s Trophy 2017*.
- 1.2 Format pembentangan adalah dalam bentuk poster grafik seperti contoh di Rajah 1.



RAJAH 1

- 1.3 Contoh pada Rajah 1 adalah sebagai rujukan sahaja. Kandungan pembentangan adalah mengikut kreativiti pasukan namun perlu selari dengan tema yang ditetapkan.
- 1.4 Rekabentuk atau ukuran poster grafik adalah mengikut kreativiti pasukan namun saiz poster perlu praktikal agar tidak menimbulkan sebarang kesulitan.

2. BAHASA

2.1 Bahasa yang digunakan adalah sepenuhnya dalam **BAHASA INGGERIS**.

3. MASA PEMBENTANGAN

3.1 Masa yang diperuntukkan untuk pembentangan ialah **5 MINIT** sahaja. Loceng akan dibunyikan pada minit kelima (5) bagi menandakan masa telah tamat.

3.2 Markah **TIDAK** akan dikira selepas loceng terakhir dibunyikan.

4. BAHAN DAN PERALATAN

4.1 Pihak penganjur **HANYA** akan menyediakan peralatan audio visual sahaja.

4.2 **BAHAN** dan **PERALATAN** tambahan (sekiranya ada) untuk pembentangan perlu disediakan oleh pasukan dan dibawa ketika pembentangan dan adalah di bawah tanggungan sendiri.

5. MARKAH

5.1 Markah dinilai berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

Bil	Kriteria	Skor
1	Kandungan 1.1 Pengutaraan fakta dan data yang logik termasuk penghuraiannya yang selari dengan tema. 1.2 Penghuraian kandungan yang kreatif dan menarik.	40%
2	Persembahan 2.1 Memperlihatkan persembahan yang meyakinkan. 2.2 Memperlihatkan persembahan yang menarik. 2.1 Memperlihatkan persembahan yang kreatif.	20%
3	Kreativiti 3.1 Poster grafik memiliki ciri-ciri unik, kreativiti baharu, paparan dan rekabentuk yang menarik, berinformasi dan memberikan penghayatan tema kepada pembaca. 3.2 Tambahan bahan dan peralatan untuk membantu pembentangan.	20%

Bil	Kriteria	Skor
4	Kelancaran 4.2 Pembentangan yang lancar dan susunan idea yang teratur.	10%
5	Bahasa 5.2 Penguasaan bahasa yang baik, jelas dan tepat (struktur dan sebutan dan gaya bahasa yang berkesan iaitu tepat kepada maksud yang hendak disampaikan.	10%

5.2 Semua keputusan panel hakim adalah **MUKTAMAD**.